



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**25 Julai 2024  
19 Muharam 1446H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sungai Tanjung Air Hitam tercemar lagi</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Udang, ikan mati sungai tercemar</li><li>• LRT 'dasar laut' pertama Malaysia</li><li>• Tarik kehadiran pelancong, konservasi hidupan marin</li><li>• 'Jadikan Pulau Tioman pulau contoh'</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tiada lagi ancaman petropoda</li></ul>
<b>The Star</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>New Straits Time</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Nanyang Siang Pau</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Gazette</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysiakini</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Bernamea</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Borneo Post (Kuching)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>The Sun</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>TV Sarawak</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Life News Agency</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		30	25/7/24

um m/s 30 25/7/2024

# Sungai Tanjung Air Hitam tercemar lagi



**NUR HUSAINI Bokhari** menunjukkan ikan baung yang mati disebabkan pencemaran di Sungai Tanjung Air Hitam, Pontian.

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**  
utusannews@mediamula.com.my

**PONTIAN:** Sungai Tanjung Air Hitam, Kayu Ara Pasong, di sini yang menjadi punca rezeki 50 nelayan dan 11 pengusaha bot kembali tercemar seperti yang berlaku pada 2019.

Penduduk mendakwa pencemaran berlaku di kawasan Bukit Batu di Kulai menyebabkan air yang tercemar mengalir ke hilir sehingga ke Sungai Tanjung Air yang kaya dengan pelbagai spesies udang galah dan ikan.

Seorang pengusaha bot, Muhammad Afiq Mat Ali, 35, berkata, pencemaran dikesan pada 21 Julai lalu menyebabkan perkhidmatan sewaan bot kepa-

da pemancing terhenti seketika dan banyak udang galah dan ikan mati sehingga menyebabkan bau busuk.

Dia dan 10 lagi pengusaha bot juga mengalami kerugian kerana tiada penyewa yang menggunakan perkhidmatan bot tersebut.

"Kami menyewakan bot dengan kadar antara RM80 hingga RM120 sehari, sudah empat hari kami tidak memperoleh sebarang pendapatan disebabkan air sungai kotor dan berbau. Bukan sahaja udang galah, ikan seperti baung juga didapati mati dan terapung akibat pencemaran yang mungkin disebabkan kegiatan industri di bahagian hulu sungai ini," katanya ketika ditemui *Utusan*

di Kampung Tanjung Air Hitam, di sini.

Muhammad Afiq menganggarkan kerugian yang ditanggung oleh pengusaha bot bagi tempoh empat hari kira-kira RM6,000 dan jika berlarutan selama dua minggu boleh mencecah RM20,000.

Seorang pemancing, Nur Husaini Bokhari, 29, berkata, terdapat kira-kira 50 pemancing udang galah berpangkalan di Sungai Tanjung Air Hitam yang menjadikannya sebagai sumber pendapatan utama.

Setiap pemancing mampu memperoleh kira-kira dua kilogram (kg) udang galah dengan memperoleh pendapatan RM150 sehari.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		15	25/7/24

KOSMO M/S 15 25/7/2024

# Udang, ikan mati sungai tercemar

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

**PONTIAN** – Kira-kira hampir satu tan udang galah dan ikan air tawar mati dipercayai akibat pencemaran yang berlaku di Sungai Tanjung Air Hitam, Kayu Ara Pasong di sini.

Penduduk mendakwa pencemaran berlaku di kawasan Bukit Batu di Kulai menyebabkan air yang tercemar turun ke hilir sehingga ke Sungai Tanjung Air yang kaya dengan udang galah dan ikan.

Seorang pengusaha bot, Muhammad Afiq Mat Ali, 35, berkata, kejadian pencemaran dikesan berlaku pada 21 Julai lalu menyebabkan perkhidmatan sewaan bot kepada pemancing terhenti seketika.

"Kami penduduk di sini tahu bahawa di bahagian hulu iaitu di Kulai ada kawasan perindustrian kemungkinan sisa dari kilang dialirkan ke sungai sehingga Sungai Tanjung Air Hitam tercemar.



**NUR HUSAINI** menunjukkan ikan baung yang mati disebabkan pencemaran di Sungai Tanjung Air Hitam, di Pontian semalam.

"Akibat perbuatan tidak bertanggungjawab itu, kira-kira satu tan hidupan akuatik air tawar seperti udang galah, ikan sungai seperti ikan baung juga didapati mati dan terapung.

"Ikan dan udang mati tera-

pung hanyut ada yang sangkut dekat tebing sehingga mengeluarkan bau busuk,"katanya ketika ditemui di Kampung Tanjung Air Hitam, di sini semalam.

Susulan kesan pencemaran itu, Muhammad Afiq berkata,



**SEBAHAGIAN** udang galah yang mati disebabkan berlakunya pencemaran di Sungai Tanjung Air Hitam.


pengusaha bot untuk sewaan kaki pancing turut terjejas.

Ujarnya, memasuki hari keempat pencemaran itu berlaku, dia dan 10 pengusaha bot mengalami kerugian kerana tiada penyewa yang menggunakan perkhidma-

tan bot tersebut.

"Kami menyewakan bot antara RM80 hingga RM120 sehari, sudah empat hari kami tidak memperolehi sebarang pendapatan disebabkan air sungai kotor dan berbau,"katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		19	25/7/24



JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	20	25/7/24



Rencana Utama

Oleh SITI SARAH NURUL LIVANA

**A**PABILA bercakap tentang transit aliran ringan (LRT), pasti ramai membayangkan panorama pencakar langit Kuala Lumpur sebagai latar belakang pengangkutan awam tersebut. Namun, hasil inisiatif dicetuskan oleh Yayasan Al-Sultan Abdullah (YASA), dua buah gerabak LRT telah dilabuhkan di dasar laut untuk dijadikan tukun tiruan. Hasilnya, para penyelam dapat merasai pengalaman menyelam ke dalam LRT sambil ditemani hidupan marin yang menjadikan tukun tiruan itu sebagai habitat.

Tapak terumbu yang terletak sejauh 18 meter di dasar laut Monkey Bay, Pulau Tioman, Pahang itu dinamakan sebagai Tapak Selam Al-Sultan Abdullah.

Usaha tersebut menjadikan Pulau Tioman diiktiraf oleh Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai pulau pertama di Malaysia memiliki tukun gerabak LRT.

Majlis pelancaran MBOR: The First LRT Coach Reef in Malaysia itu disempurnakan oleh Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Berjaya Tioman Resort.

Turut berangkat ialah Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan Tengku Mohkota Pahang, Tengku Wazirah Ibrahima Alam Shah.

Pengurus Besar YASA, Mohd Fakhru Islam Juhali berkata, Pulau Tioman dipilih sebagai lokasi program kerana 'kekayaan' persekitaran marinnnya.

Katanya lagi, pulau tersebut juga memiliki kepentingan strategik sebagai destinasi pelancongan utama di Pahang.

"Pulau ini merupakan pulau terbesar dalam kumpulan sembilan pulau yang membentuk Taman Laut Pulau Tioman.

"Antara aktiviti yang popular di pulau ini adalah selam snorkel dan selam skuba kerana tarikan terumbu karangnya.

"Tapak selaman ini diharapkan dapat meningkatkan ekonomi tempatan dengan menarik lebih ramai pelancong," jelasnya.

Untuk rekod, program itu dianjurkan oleh YASA dengan kerjasama Gaya Travel Media serta disokong oleh Lembaga Pembangunan Tioman, MBOR, Prasarana Malaysia Berhad, Jabatan Perikanan Malaysia, Tourism Pahang, Berjaya Hotels & Resorts, Salam Alliance Sdn Bhd dan Aqualight Motion.

Secara keseluruhan, usaha melabuhkan dua gerabak LRT itu melibatkan 60 penyelam diketuai Tengku Panglima Raja, Brigadier Jeneral Tengku Amir Nasseh Ibrahima Shah.

Berkongsi tentang cabaran pelaksanaan misi tersebut, penasihat teknikal program, Noriqam Mohd Nor berkata, pelbagai aspek melibatkan logistik, cuaca, arus dan tahap pasang surut air diteliti dengan rapi.

"Setelah lebih kurang dua bulan melakukan perbincangan dengan pihak YASA dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), kami (Tukung Meng) mula



AL-SULTAN ABDULLAH (tiga dari kiri), Tunku Azizah (tengah) dan Tengku Hassanah (dua dari kiri) bergambar kenangan sewaktu majlis pelancaran MBOR: The First LRT Coach Reef in Malaysia di Pulau Tioman, Pahang baru-baru ini. - GAYA TRAVEL

## Tarik kehadiran pelancong, konservasi hidupan marin



PROSES melabuhkan gerabak LRT dilakukan dengan berhati-hati menggunakan kren.



SEBANYAK dua gerabak LRT dilabuhkan di dasar laut sebagai tukun tiruan.

melakukan kerja-kerja melabuhkan LRT. "Tukung Meng terdiri daripada penyelam pelbagai kepakaran termasuk pengajar skuba, jurutera struktur, ahli biologi marin dan pakar perubatan hiperbark," katanya.

Proses membawa kedua-dua gerabak dari Kelana Jaya, Selangor ke Kuala Rompin, Pahang itu dilakukan oleh Aman Logistik menggunakan trak.

Sejak tiba di Kuala Rompin, kerja-kerja fabrikasi platform yang diperbuat daripada 'galvanised iron' (paip besi yang diisi konkrit) dilakukan untuk dijadikan asas tapak pelabuhan LRT.

Kemudian, proses 'depollution' LRT dilakukan bagi membuang komponen yang berbahaya kepada hidupan laut seperti minyak pelincir, getah, motor dan roda.

Setelah hasil 'depollution' mendapat kelulusan daripada pihak DOF, kedua-dua gerabak LRT seberat 14 tan, platform serta kren diangkat menggunakan tongkang.

Perjalanan tongkang ke Pulau Tioman diuruskan oleh Sinar Tioman Enterprise yang memakan masa selama enam jam.

Tambah lelaki yang turut dikenali sebagai Bundy itu, LRT dengan platform pada bahagian tapaknya dilabuhkan ke dasar laut secara berhati-hati.

Katanya, fungsi platform tersebut bertujuan mengelakkan gerabak LRT bergerak apabila terdapat tekanan arus pada permukaan dasar laut.

"Oleh kerana ini pertama kali gerabak LRT dijadikan tukun, kami tidak pasti berapa laju air akan memasuki rongga-rongga gerabak.

"Namun, hasil kepakaran dan kerjasama semua, setiap isu yang timbul dapat diatasi dengan jayanya," katanya.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	21	25/7/24

Kosmo! KUALUMPUR 25 JULAI 2024

**INFO**

**Tukun LRT pertama Malaysia**

- Tapak tiruan yang berada sejauh 18 meter di dasar laut Monkey Bay Pulau Tioman, Pahang itu dinamakan sebagai Tapak Selan Al-Sultan Abdullah.
- Usaha melabuhkan dua gerabak LRT itu melibatkan 60 penyelam diketuai oleh Tengku Panglima Raja Brigadier Jeneral Tengku Amir Nasser Ibrahim Snihi.
- Usaha tersebut menjadikan Pulau Tioman diiktiraf oleh Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai pulau pertama memiliki tukun LRT.
- Majlis pelancaran MBOR: The First LRT Coach Reef in Malaysia disempurnakan oleh Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Benjaya Tioman Resort.
- Selain bertujuan menjadi tarian pelancongan, tukun tiruan itu juga memiliki fungsi konservasi hidupan marin, sekali gus mampu meningkatkan ekonomi penduduk setempat.

Sementara itu, Ketua Cawangan Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan (Cawangan Konservasi Ekosistem Dan Biodiversiti, Jabatan Perikanan Malaysia, Azlan Md. Nor berkata, pemantauan akan dibuat enam bulan atau setahun sekali bergantung kepada integriti struktur tukun tersebut. Ujarnya, dinding LRT secara asasnya memiliki struktur yang licin, sekali gus menyukarkan pembiakan terumbu karang.

Internasional pihaknya mencadangkan agar rangka pemulihan karang diletakkan di atas tukun LRT agar tujuan konservasi dapat dicapai.

"Semasa buat syarat kelulusan, kami cadang untuk meletak rangka pemulihan karang.

"Kita akan tengok koloni terumbu karang membiak di kawasan tersebut.

"Kami akan mulakan dengan spesies terumbu acropora yang akan tumbuh secara semula jadi sepanjang dua hingga tiga inci setahun", jelasnya.



DUA gerabak LRT dan kren dibawa ke Pulau Tioman menaiki tongkang.

impak domino terhadap langkah konservasi tersebut terhimpit kepada usaha menarik kehadiran lebih banyak ikan ke terumbu karang tersebut dan dijadikan habitat.

Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan tekanan kepada terumbu karang sedia ada kerana sebahagian ikan akan berpindah ke habitat baharu.

Limpahan ikan yang bertelur dan membiak di habitat baharu itu nanti boleh menjadi punca rezeki kepada para nelayan di sekitar kawasan pulau

tersebut.

Bagaimanapun, Azlan menegaskan nelayan tidak dibenarkan memukat ikan berdekatan kawasan tukun LRT berkenaan.

"Terumbu karang sangat sensitif. Kalau terkena bubu, ia boleh rosak dan mati, sekali gus menjejaskan hidupan marin yang bergantung kepadanya.

"Bagaimanapun, nelayan boleh mendapat manfaat apabila ikan-ikan ini keluar dari habitat dan berenang bebas di lautan", katanya sebelum menutup bicara.



AL-SULTAN ABDULLAH

'Jadikan Pulau Tioman pulau contoh'

SULTAN Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah agar pentadbiran merangka satu bentuk kaedah atau formula yang boleh membantu memelihara alam sekitar di Pulau Tioman.

Titah tersebut dizahirkan baginda yang berhasrat untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai pulau contoh dari segi pemuliharaan alam semula jadi dan pengurangan pelepasan karbon.

"Saya harap segala bentuk pembinaan struktur di pulau ini diawasi sebaik mungkin oleh pihak kerajaan dan pihak berkuasa. Biarlah ambil masa dalam membuat keputusan dengan mengutamakan soal persekitaran."

"Saya juga tak mahu lihat masalah pencemaran disebabkan kereta dan motosikal yang berlebihan di pulau ini.

"Kalau boleh, adakan satu kaedah yang boleh mengawal pencemaran udara" utah baginda ketika merasmikan Malaysia Book of Records: The First LRT Coach Reef in Malaysia baru-baru ini.

Untuk rekod, Pulau Tioman telah diiktiraf sebagai Pulau Tenaga Hijau selepas Pulau Perhentian dan Pulau Redang di Terengganu menerusi penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB).

Antara contoh TBB adalah pembangunan tamat solar, pembekalan elektrik untuk tujuan pusat data baharu dan penjana hidrogen hijau.

Mengulas lanjut, Al-Sultan Abdullah berharap, penduduk di Pulau Tioman dapat menjaga kebersihan sungai, selain memastikan kawasan di sekeliling rumah terjaga.



SEORANG penyelam bergambar di dalam gerabak LRT di dasar laut Pulau Tioman.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	25/7/24

SH M/S 29 25/7/2024

# Tiada lagi ancaman petropoda

Aktiviti air, pelancongan di perairan Mersing kembali pulih

Oleh ZULHISHAM ISAHAK MERSING

Jabatan Perikanan Negeri Johor (JPNJ) mengesahkan tiada lagi rebakan organisma berbahaya petropoda atau nama saintifiknya, *Creseus Acicula*, dikesan di kepulauan sekitar daerah ini terutama Pulau Mertang, Pulau



Laporan Sinar Harian 5 Julai lalu.

Harimau dan Pulau Besar. JPNJ dalam satu kenyataan berkata, rebakan spesies itu dapat dihentikan disebabkan perubahan pada parameter fizikal dan kimia persekitaran seperti suhu, saliniti, makanan serta parameter biologi seperti persaingan dan pemangsa.

"Namun JPNJ akan terus menjalankan pemantauan berkala dan kajian berkaitan spesies moluska ini dari masa ke masa. "Ini bagi memastikan perkara ini dalam kawalan dan memohon komuniti setempat dapat melaporkan perkara seumpama ini dengan kadar segera kepada jabatan bagi membolehkan tindakan awal diambil," menurut kenyataan pada Rabu.

JPNJ memaklumkan, pihaknya menerima maklum balas pengusaha-pengusaha industri pelancongan tempatan bahawa organisma berkenaan sudah tiada dan tidak lagi mengganggu aktiviti air di pulau-pulau.

Menurut jabatan itu, hasil pemerhatian juga mendapati aktiviti pelancongan kembali seperti

sediakala. "Susulan notis dikeluarkan berkaitan dengan rebakan gastropoda yang dikenal pasti sebagai petropoda di perairan Mersing pada 3 Julai lalu, pihak kami bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan Taman Laut Negara bagi menjalankan pemantauan di beberapa pulau di perairan Mersing bagi mengesan kehadiran spesies itu," jelas kenyataan itu lagi.

Aktiviti pemantauan dijalankan bermula dari 16 hingga 19 Julai lalu membabitkan aktiviti di lapangan, tinjauan dan analisis makmal.

"Aktiviti pengecaman telah dijalankan di makmal Biosekuriti Perikanan JPNJ dan mendapati sampel air yang diambil daripada pulau terbabit menunjukkan ketidakhadiran spesies petropoda," katanya.

Pada 5 Julai lalu, media melaporkan perairan Mersing diserang organisma akuatik berbahaya petropoda, sejenis



LOASKAN KUALA MU

Perbandingan saiz syiling lima sen dengan petropoda, sejenis zooplankton dan organisma akuatik berbahaya yang memiliki sengat.

zooplankton dan organisma akuatik berbahaya yang mempunyai sengat serta boleh memudaratkan manusia.

Ia dikesan pasukan penyelidik dari Institut Penyelidikan

Perikanan Batu Maung, Pulau Pinang pada 11 Jun lalu.

Kesan sengatan boleh menyebabkan keradangan, kegatalan, kekeringan, pengelupasan, kemerahan dan kulit bersisik.